

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa khas pengumpulan maklum balas berhubung dengan pengiktirafan UEC oleh kerajaan, yang dipercayai telah menyempurnakan tugas mereka pada bulan Julai yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) dalam peringkat akhir penulisan laporan mengenai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Kementerian optimis laporan lengkap berkenaan akan berjaya diserahkan dalam tahun ini juga. Dapatan dan syor-syor berkaitan akan diteliti oleh pihak Kementerian dan seterusnya akan diangkat kepada Jemaah Menteri untuk keputusan dasar mengenai isu pengiktirafan sijil UEC.

Sekian, terima kasih.